

Pemuda UMNO selar Kofi Annan 'bacul' gagal sekat Israel

KUALA LUMPUR, 22 Julai - Pergerakan Pemuda UMNO hari ini membuat kecaman paling keras terhadap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), menggelar Setiausaha Agung badan dunia itu, Kofi Annan sebagai "bacul" kerana gagal menghentikan serangan Israel terhadap Lebanon dan Palestin.

"Kofi Annan bacul kerana tidak dapat menghentikan serangan Israel terhadap rakyat yang tidak berdosa di Lebanon dan Palestin.

"Kita ingin menyatakan sejelas-jelasnya kepada PBB supaya membuat sesuatu bagi menghentikan pembunuhan rakyat yang tidak berdosa di bumi Lebanon dan Palestin," kata ketua pergerakan itu Datuk Seri His-hammuddin Tun Hussein kepada pemberita selepas merasmikan pertandingan bola sepak Liga Pemuda UMNO di sini.

Pemuda UMNO berpendapat pada tahap ini, sebarang gencatan senjata sudah tidak bererti lagi kerana Israel telah mencapai tujuan mereka dalam

serangan kejam tersebut, katanya.

Beliau juga mengecam Amerika Syarikat kerana tidak mengambil tindakan terhadap Israel dan menuhnyanya sebagai boneka negara itu.

Amerika Syarikat katanya gagal mewujudkan demokrasi dan keamanan di Iraq dan Afghanistan sebagaimana dilaungkannya dulu.

Pergerakan itu, kata beliau akan bekerjasama dengan pemimpin muda dari ASEAN untuk menghentikan serangan Israel.

Sementara itu, 192 pasukan bertanding merebut piala Ketua Pemuda UMNO dalam liga itu yang dilancarkan hari ini dan berakhir 5 November di Perak dalam tiga peringkat - bahagian, negeri dan kebangsaan.

Liga Pemuda UMNO adalah perediaan Pemuda UMNO menyertai liga bola sepak negara Johan akan menerima wang tunai RM20,000, naib Johan (RM15,000), ketiga (RM10,000) dan keempat (RM5,000).

- Bernama